

03/09/1997

Rundingan boleh selesaikan isu penyertaan Myanmar dalam Asean

KUALA LUMPUR, Selasa - Pertelingkahan di antara Asean dan Eropah mengenai isu penyertaan Myanmar dalam Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) boleh diselesaikan menerusi perundingan secara jujur, terbuka dengan semangat kesetikawanan.

Setiausaha Parlimen Kabinet Britain, Peter Kilfoyle, berkata perbezaan pendapat yang wujud di antara kedua-dua rantau adalah kerana masing-masing mempunyai pandangan dan kepentingan berbeza.

"Saya berpendapat jawapannya mudah sahaja. Perkara seperti itu biasanya diselesaikan melalui rundingan secara jujur dan terbuka," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Asean mungkin memutuskan untuk tidak menghadiri Asem jika Kesatuan Eropah (EU) melarang Myanmar menghadirinya.

"Jika berlaku diskriminasi terhadap Myanmar, ia juga disriminasi terhadap Asean. Anda mungkin mendapati negara lain dalam Asean juga memutuskan untuk memulaukannya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Setiausaha Luar Britain, Robin Cook, di Singapura semalam bahawa keputusan Eropah baru-baru ini untuk tidak memberi visa kepada para pegawai kanan Myanmar menyebabkan kehadiran mereka pada Asem sebagai `mustahil'.

Bercakap pada sidang akhbar di Suruhanjaya Tinggi Britain di sini, hari ini, Kilfoyle berkata, perkara itu pasti dapat diatasi melalui perundingan tanpa menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

(END)